

POLITIK NEGARA KINI STABIL TAK GUGAT PELABURAN PM

KUALA LUMPUR 10 Nov.
— Datuk Sri Dr. Mahathir
Mohamad berkata keadaan
politik negara sekarang
adalah stabil dan tidak
menggugat pelaburan dari
negara - negara luar.
Perdana Menteri
menegaskan keadaan
tersebut tidak
menggentarkan negara -
negara asing membuat
pelaburan mereka di sini.
Malah menurut beliau, esok
syarikat elektronik Sony
dari Jepun akan
mengumumkan
pelaburannya sebanyak
\$40 juta di negara ini.
Bercakap kepada para
pemberita selepas
merasmikan persidangan
pelaburan dan
perdagangan Malaysia —
Arab di Hotel Hilton di sini,
Perdana Menteri berkata

UM 11 NOV 1987
Beliau juga menemui
para usahawan Jepun dan
mendapati bahawa mereka
tidak bimbang dengan
keadaan di negara ini.
"Mereka yang membaca
Asahi Shinbun (yang
menginterbiu Perdana
Menteri) LIHAT MUKA 6

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

Politik negara stabil tak gugat pelaburan

UM 11 NOV 1987

Menteri baru - baru ini akan tahu.
"Mungkin mereka yang membaca akhbar lain sahaja (yang akan merasa bimbang)" kata Datuk Sri Dr. Mahathir menjawab pertanyaan kononnya orang - orang Jepun merasa bimbang dengan kedudukan politik negara lebih - lebih lagi selepas beberapa tangkapan baru - baru ini.
Ditanya apakah beliau juga maksudkan bahawa pelabur - pelabur luar selain dari Jepun turut mempunyai pendapat yang sama, katanya.
"Ya, semua. Saya tak nampak apa sebab (mereka patut bimbang). Esok Sony akan umum pelaburan \$40 juta di Malaysia.
"Nampaknya mereka tidak gentar sedikitpun. Selain itu banyak lagi cadangan dari Jepun untuk melabur di Malaysia."
Serentak dengan itu Datuk Sri Dr. Mahathir mempelawa negara - negara Arab supaya melabur di negara ini dan menjadikannya sebagai pusat pelaburan alternatif selain dari Amerika Syarikat dan Eropah.
Menurutnya, negara - negara Arab boleh melabur

dalam apa juga bidang yang dikehendaki.
Perdana Menteri menambah dasar kerajaan berhubung dengan pelaburan luar membenarkan mereka memegang pemilikan majoriti atau pemilikan sepenuhnya dalam projek - projek yang diceburi.
"Mereka boleh sertai projek - projek untuk eksport dan kita membenarkan mereka memiliki 100 peratus.

"Sekarangpun kita ada syarikat luar negeri yang memiliki sepenuhnya projek di sini seperti Hewlett-Packard sebab mereka membuat barangan untuk diekspor," kata beliau.
Beliau juga menjelaskan bahawa negara - negara Arab berkenaan boleh melabur dalam semua bidang dan jika mereka tidak ada teknologi, mereka boleh memperolehnya dari negara - negara ketiga.
Menjawab satu pertanyaan beliau berkata Malaysia mungkin akan membuka semula pejabat Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) di negara

Timur Tengah jika ada kegiatan perdagangan.
Menjawab pertanyaan lain Perdana Menteri berkata kejatuhan nilai dolar Amerika tidak menjejaskan harga minyak Malaysia kerana lazimnya nilai tersebut susut seiring dengan ringgit Malaysia.

Beliau juga berkata bahawa setakat ini Malaysia mampu memperoleh harga yang memuaskan untuk barangannya walaupun kemelesetan yang melanda Amerika Syarikat turut menjejaskan dunia.
Dalam ucapannya Datuk Sri Dr. Mahathir mengalu - alukan penubuhan projek - projek baru oleh pelabur dari negara - negara Arab.
Katanya, walaupun pengambil - alihan dan pemilikan dibenarkan, Malaysia ingin meminta pelabur - pelabur Arab mempergiatkan lagi kegiatan ekonomi negara ini melalui penubuhan projek - projek baru.
Menurutnya, pelaburan - pelaburan luar di sini, sama ada dari Amerika, Eropah, Jepun atau tempat - tempat

lain adalah dalam bentuk projek baru dan projek - projek ini telah memberi keuntungan yang baik kepada mereka.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga memberi jaminan bahawa negara ini berada dalam keadaan yang stabil seperti yang dapat dilihat dari rekod - rekod sejarahnya.

Menurut Perdana Menteri, kejayaan Malaysia dalam bidang pembuatan barangan - barangan eksport seperti semi-konduktor elektronik, alat pendingin udara bilik, sarung tangan getah dan minyak sawit adalah beberapa jaminan betapa kukuhnya suasana pelaburan Malaysia.

Beliau berharap pelaburan dari negara - negara Arab akan meningkat seberapa tinggi yang boleh dalam bidang melalui galakan - galakan yang diadakan. Buat masa ini pelaburan negara - negara Arab dalam bidang pembuatan adalah berjumlah \$43 juta dan ini tidak menunjukkan kemampuan sebenar potensi pelaburan Arab.